

03/07/1998

MSC diutamakan (HL)

Wan Sabariah Shikh Ali Ali; Ghazali Musa; Hizral Tazzif Hisham
KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan akan menggunakan peruntukan Dana
Pembangunan Prasarana sebanyak RM5 bilion yang diumumkan semalam untuk
memastikan semua kemudahan asas bagi projek Koridor Raya Multimedia (MSC)
dapat disediakan mengikut jadual, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Timbalan Perdana Menteri berkata, langkah itu bertujuan memastikan
pembangunan bandar raya pintar, Cyberjaya, yang terletak di luar ibu kota
ini, tidak tergendala akibat masalah ekonomi dan kemajuannya tidak
terjejas.

Cyberjaya adalah sebahagian daripada MSC, kawasan seluas 750 kilometer
persegi ke selatan dari sini yang dikhaskan sebagai pusat bagi pembangunan
produk dan perkhidmatan multimedia.

"Walaupun kita menghadapi masalah ekonomi, kita sudah pastikan projek
MSC sebagai program keutamaan. Saya sudah umumkan Dana Pembangunan
Prasarana yang akan dimanfaat untuk memastikan semua kemudahan asas bagi
pembangunan MSC berjalan mengikut jadual dan tidak tergendala," katanya.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata demikian pada sidang akhbar
selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Pengasas MSC (MFC) di sini, hari
ini.

Turut hadir Pengerusi Eksekutif Multimedia Development Corporation Sdn
Bhd (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, Ketua Setiausaha Kementerian
Kewangan, Datuk Dr Aris Othman, beberapa pegawai tinggi kerajaan dan 20
ketua eksekutif syarikat MSC yang menganggotai MFC.

Selain MFC, kerajaan turut menubuhkan Majlis Pelaksana MSC dan Panel
Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC yang dipengerusikan Perdana Menteri,
Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Anwar juga berkata, syarikat multimedia dan teknologi maklumat (IT) yang
beroperasi lebih awal di MSC akan mendapat kelonggaran dan memperolehi
kemudahan tambahan daripada kerajaan.

Menurutnya, kelonggaran dan kemudahan tambahan itu termasuk dari segi
penyegeraan percukaian dan imigresen seperti yang dikemukakan syarikat MSC
pada mesyuarat hari ini.

"Kita menyatakan ada kelonggaran dan kemudahan tambahan, jika syarikat
beroperasi lebih awal. Kita juga mendapat taklimat pembangunan prasarana
dan kemudahan.

"Beberapa syarikat sudah meminta penyegeraan percukaian dan imigresen
dalam mesyuarat hari ini. Kita akan beri perhatian," katanya.

Beliau berkata, aspek lain yang turut mendapat perhatian pada mesyuarat
itu ialah program latihan dan pendidikan bagi memastikan tenaga kerja dan
kepakaran dalam IT dapat dipertingkatkan.

Menurut Anwar, sehingga kini ada lima universiti sama ada yang sudah
beroperasi atau dalam pembinaan di Cyberjaya iaitu Universiti Multimedia
(MU), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tenaga (Uniten),
Universiti Maya dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

"Kita akan mencadangkan supaya jumlah kemasukkan pelajar ke universiti
ini ditambah bagi memenuhi keperluan tenaga kerja dan tenaga pakar di
MSC," katanya.

Beliau turut melahirkan rasa puas hati peranan MDC, syarikat yang
dipertanggungjawab mengendalikan penempatan syarikat di MSC.

"MDC kini sudah beroperasi di Cyberjaya setahun lebih awal daripada
jangkaan. Sekarang MDC mengusulkan syarikat multimedia dan IT menyertai
segera kegiatan di MSC menerusi inkubator khas, sementara menunggu

kelulusan memperolehi status MSC.

"Syarikat terbabit boleh berfungsi dalam tempoh dua tahun sebelum disahkan kedudukan mereka sama ada termasuk dalam kategori yang mendapat manfaat MSC atau sebaliknya," katanya.

Menurut Timbalan Perdana Menteri sebanyak 10 syarikat sudah memulakan operasi di Cyberjaya, manakala 40 lagi dalam proses untuk beroperasi di koridor berkenaan.

(END)